

Keberkesanan Ruang Pembelajaran Sedia Ada bagi Gelandangan Kanak-Kanak: Kajian Kes Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur (The Effectiveness of Existing Learning Spaces for Homeless Children: Case Study Jalinan Kasih Guidance School, Kuala Lumpur)

Noraziah Mohammad*, Nur Hairuzza Husna Abu Sareh, Suhana Johar & Mazlan Mohd Tahir

Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding author: noraziahmohammad@ukm.edu.my

Received 28 May 2024, Received in revised form 31 July 2024

Accepted 26 September 2024, Available online 30 November 2024

ABSTRAK

Gelandangan kanak-kanak adalah golongan yang tidak boleh dipinggirkan dan berhak untuk mendapatkan pendidikan formal seperti kanak-kanak biasa yang lain. Isu keciciran pendidikan kepada gelandangan kanak-kanak ini dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa disebabkan faktor kemiskinan dan juga keruntuhan institusi kekeluargaan. Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) merupakan sekolah istimewa yang menempatkan kanak-kanak jalanan di sekitar Chow Kit di mana menyediakan akses pendidikan dari segi akademik dan kemahiran kepada mereka serta memberi peluang kepada gelandangan kanak-kanak untuk membentuk laluan kerjaya pada masa hadapan. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana keberkesanan ruang pembelajaran yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada gelandangan kanak-kanak di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dimana menggunakan kaedah soal selidik dan temubual secara mendalam. Bagi kaedah kuantitatif, Set soal selidik mengenai ruang keperluan dan kemudahan pembelajaran dan juga keperluan asas akan dikemukakan kepada satu sampel. Set soalan ini akan dijawab oleh 30 responden yang terdiri daripada pihak sekolah dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam memberi sokongan. Manakala bagi kaedah kualitatif, sesi temubual bersama 6 pelajar yang terdiri daripada 2 murid prasekolah, 2 sekolah rendah dan 2 sekolah menengah akan dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dah kaedah perhatian juga telah dilaksanakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih telah menyediakan ruang pembelajaran yang mencukupi dari segi keperluan dan kemudahan sekaligus memberikan keselesaan kepada kanak-kanak gelandangan. Namun bagaimanapun majoriti berpendapat bahawa keperluan dan kemudahan yang disediakan masih boleh dipertingkatkan dengan menyediakan kemudahan tempat tinggal dan padang sekolah bagi melakukan aktiviti riadah. Oleh hal demikian, perbincangan kertas kerja ini telah membincangkan mengenai usaha dan insiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membantu kanak-kanak gelandangan mendapatkan akses pendidikan yang sewajarnya malah kajian juga boleh ditambahbaik sekiranya dapat membandingkan ruang pembelajaran yang disediakan oleh pihak sekolah dan pihak NGO dalam mengatasi masalah keciciran pendidikan kanak-kanak gelandangan.

Kata kunci: Keberkesanan; ruang pembelajaran; gelandangan kanan-kanak; sekolah

ABSTRACT

Homeless children are a group that cannot be marginalized and have the right to get formal education like other normal children. The issue of dropping out of education for homeless children is seen to be increasing from time to time due to the factors of poverty and also the collapse of family institutions. Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) is a special school that accommodates street children around Chow Kit where it provides access to education in terms of academics and skills to them and gives homeless children the opportunity to shape their career path in the future. The purpose of this study is to see how effective the learning space provided by the government is for homeless children at Jalinan Kasih

Guidance School (SBJK) Kuala Lumpur. This study uses quantitative methods and qualitative methods where questionnaires and in-depth interviews are used. For the quantitative method, a set of questionnaires on space needs and learning facilities as well as basic needs will be submitted to a sample. This set of questions will be answered by 30 respondents consisting of schools and also Non-Governmental Organizations (NGOs) involved in providing support. While for the qualitative method, an interview session with 6 students consisting of 2 preschool students, 2 primary school and 2 high school students will be conducted to obtain more detailed information and the observation method has also been implemented. The results of the study show that the Jalinan Kasih Guidance School has provided sufficient learning space in terms of needs and facilities as well as providing comfort to homeless children. However, the majority thinks that the needs and facilities provided can still be improved by providing accommodation facilities and school grounds for leisure activities. Therefore, the discussion of this paper has discussed the efforts and initiatives that have been implemented by the government in helping homeless children get access to proper education, and the study can also be improved if it can compare the learning space provided by the school and NGOs in overcoming the problem of homeless children dropping out of education.

Keywords: Effectiveness; learning space; child homelessness; school

PENGENALAN

Golongan gelandangan mempunyai latar belakang yang berbeza seperti pesakit mental, warga emas, penganggur dan orang yang tiada punca pendapatan. Mereka juga dikenali sebagai golongan yang hidup merempat dan mencari tempat perteduhan yang telah disediakan seperti badan agensi kerajaan, badan kebajikan dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai pusat penempatan (Ku Basyirah Ku Yaacob et al. 2017). Menurut Noor Atiqah Sulaiman (2022), kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat bernilai. Golongan kanak-kanak merupakan aset negara dan juga penyambung bagi nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Laporan Statistik 2022 (2022) menyatakan bilangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun paling tinggi direkodkan di Selangor dengan 1.8 juta orang atau 25.8 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri itu pada tahun 2022.

Masalah golongan gelandangan kanak-kanak ini dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa

disebabkan faktor kemiskinan dan juga keruntuhan institusi kekeluargaan. Situasi ini merupakan satu impak yang negatif malah memberi keimbangan dari segi pendidikan, sosial dan ekonomi. Faktor ibu bapa yang terlibat dengan masalah sosial, penceraian dan juga penagihan dadah juga merupakan antara sebab masalah kanak-kanak ini terbiar.

Antara keperluan asas yang diperlukan oleh setiap manusia adalah pendidikan. Hal ini disebabkan pendidikan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Perkembangan yang luas dan menjadikan seseorang matang dan bijak percakapannya adalah melalui pendidikan yang baik (Mohd Alif Jasni et al. 2022)

Kerajaan Malaysia amat menitikberatkan pendidikan dalam kalangan kanak-kanak. Pelbagai inisiatif telah disediakan bagi membantu kanak-kanak dalam proses pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan keberkesanannya ruang pembelajaran yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada gelandangan kanak-kanak. Keperluan dan kemudahan pendidikan dan peruntukan pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada gelandangan kanak-kanak akan dikaji melalui kajian kes yang akan dijalankan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di Chow Kit, Kuala Lumpur.



RAJAH 1. Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur.

Sumber: Penulis sendiri

KAJIAN PERPUSTAKAAN

Pendidikan perlu dipelajari oleh semua pihak termasuklah kanak-kanak gelandangan kerana mereka sama seperti kanak-kanak biasa yang seharusnya mendapat Pendidikan. Masalah gelandangan kanak-kanak dan belia ini semakin meningkat dari semasa ke semasa dan situasi ini menerbitkan kebimbangan. Isu gelandangan kanak-kanak ini mampu memberi impak yang negatif dalam pendidikan, sosial mahupun ekonomi.

Menurut Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah Abdul Manan. (2012), golongan gelandangan kebiasaanya lebih mudah ditemui di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, George Town dan Kuching. Hal ini kerana kawasan bandar yang menjadi daya tarikan pelancong dan lebih terbuka menjadikannya tempat bagi mereka untuk meminta sedekah dan menagih simpati. Seterusnya, Rajah 2 menunjukkan lokasi tumpuan gelandangan tertumpu kepada kawasan bandar yang mempunyai kemudahan awam seperti pengangkutan awam dan tidak terkecuali kemudahan awam seperti pusat beli belah, masjid yang menjadi kawasan orang lalu lalang. Kemudahan tersebut dapat memudahkan kehidupan harian mereka.



RAJAH 2. Lokasi tumpuan gelandangan di Kuala Lumpur
Sumber: Peta Google

Berdasarkan laporan statistik 2022 Jabatan Kementerian masyarakat, kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut Negeri dan

Jantina, 2022 adalah sebanyak 6,770 orang. Selain itu, Pandemik COVID 19 yang berlaku seluruh dunia juga telah menjelaskan kehidupan kanak-kanak dan golongan muda yang kematian ibubapa dan menjadi yatim piatu. Mereka tidak mempunyai tempat untuk bergantung dan terpaksa hidup di jalanan tanpa pengawasan kerana mereka tidak mempunyai ahli keluarga lain yang bersedia untuk menjaga mereka dan terpaksa hidup sebagai gelandangan (Mohd Alif Jasni et al. 2022)

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih mula beroperasi pada 19 ogos 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil inisiatif pertama dalam menyediakan jalan keluar kepada kanak-kanak gelandangan melalui pembukaan rasmi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SJK), Kuala Lumpur. Penubuhan sekolah ini bertujuan untuk menyediakan akses pendidikan formal kepada kanak-kanak jalanan yang merupakan salah satu kumpulan kanak-kanak terpinggir agar mereka dapat berdikari dan mendapat pendidikan yang sewajarnya. Namun bagaimanapun, sebagai sebuah sekolah, institusi ini tidak dapat menubuhkan PIBG sepetimana sekolah lain (Faez Nazhan Phang Abdullah 2018).


Sekolah merupakan institusi pengoperasian paling asas kepada sistem pendidikan di sesebuah negara. Rahimah Ahmad (2005), Azuan Che Ahmad, et al. (2010) menggambarkan sekolah sebagai agen yang penting dalam pembinaan generasi masa depan. Kejayaan institusi ini dalam melahirkan generasi cerdik pandai adalah merupakan kesepadan antara polisi pendidikan dengan komuniti dalam mendokong aspirasi pendidikan itu sendiri.

Strategi pelaksanaan bagi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SJK) adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan dari prasekolah hingga tingkatan 5 dalam satu premis. SJK menerima murid warganegara Malaysia dalam peringkat persekolahan daripada prasekolah hingga menengah atas (berumur 5 hingga 19 tahun) seperti yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Keempat.

Badan NGO juga tidak terkecuali daripada peranan yang penting dalam membantu golongan gelandangan mendapatkan bantuan yang sewajarnya. Pelbagai pihak turut turun padang dalam memberikan bantuan. Antara badan NGO yang dapat dilihat bergerak secara aktif adalah Dapur Jalanan Kuala Lumpur yang dipengerusi oleh Mohd Ezzandi Ghadi di mana mereka menjalankan operasi yang menyediakan makanan kepada warga miskin dan golongan yang memerlukan dari pukul 9 petang sehingga 7 petang (Geraldine Tong 2022).

PERUNTUKAN PENDIDIKAN YANG DISEDIAKAN OLEH SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH

Pendidikan di Malaysia memastikan semua warganegara mendapat pendidikan yang sewajarnya yang telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Malaysia bagi memenuhi aspirasi sistem dan aspirasi murid. Situasi ini sejajar dengan konsep yang diterapkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO), iaitu *Education for All (EFA)*.



RAJAH 3. Tiga laluan murid yang dilaksanakan mengikut tahap pencapaian masing-masing.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Model Pendidikan Sekolah Bimbingan Jalinan kasih adalah kurikulum yang dilaksanakan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih. Ujian saringan akan dilaksanakan mengikut tahap pencapaian masing-masing tanpa mengikut umur. Tiga laluan murid akan dilaksanakan bagi memudahkan mereka mengikut proses pembelajaran yang dilaksanakan seperti modal pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Keempat seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3. Tiga laluan tersebut adalah seperti berikut :

1. Laluan 1 iaitu Modul Asas menggunakan model LINUS (asas membaca, menulis dan mengira).
2. Laluan 2 iaitu Modul Asas Akademik (Mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral).
3. Laluan 3 iaitu Modul Pendidikan Asas Vokasional (PAV).

Pihak sekolah menyediakan ujian diagnostik dalam melihat tahap kesediaan murid daripada aspek kesediaan jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelek. Ujian ini dilaksanakan dengan kaedah temubual dan soal selidik

yang dapat mengkaji keupayaan murid untuk melalui proses pembelajaran.

CABARAN GURU DALAM MENGAJAR GELANDANGAN KANAK KANAK

BEBANAN TUGASAN

Beban yang membawa makna kepada tanggungan iaitu kewajiban yang berat. Manakala perkataan tugas membawa maksud kapada tanggungjawab yang harus dipikul untuk dilaksanakan. Dalam konteks ini, masalah beban tugas adalah tanggungjawab yang harus dipikul oleh guru di sekolah gelandangan yang seharusnya hanya perlu memberi didikan kepada golongan ini namun harus melakukan pekerjaan di luar bidang hakiki sebagai seorang guru (Norhafizan & Aliza 2018).

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran ialah bentuk tugasan yang dilaksanakan oleh guru serta melibatkan muridnya. Pengajaran ini adalah perkara yang dirancangkan secara teliti dengan melaksanakan kaedah yang bersesuaian untuk mengajar. Pembelajaran pula adalah satu proses interaksi anak didik dengan pendidik supaya berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran (Norhafizan & Aliza 2018).


KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHKAN SEKOLAH

Infrastruktur membawa maksud kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara, organisasi dan masyarakat. Perhubungan yang berkualiti antara guru dan kanak-kanak gelandangan perlu diwujudkan dengan adanya persekitaran yang konsisten dan selesa. Bagi kanak-kanak gelandangan yang baru sahaja mencuba untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru boleh menjelaskan perasaan kebimbangan mereka dengan adanya persekitaran bilik darjah yang huru hara. Dari segi pembelajaran, kanak-kanak lebih cenderung untuk belajar dalam keadaan yang seronok. Program yang dianjurkan dalam usaha mengekalkan jumlah kehadiran murid untuk datang ke sekolah dapat dijalankan dengan menyediakan pelbagai aktiviti termasuk permainan berpendidikan sebagai contohnya alat muzik ataupun program yang meningkatkan kemahiran seperti penyediakan bilik bertukang, bercucuk tanam, menjahit ataupun memasak (Norhafizan & Aliza 2018).

METODOLOGI

Lokasi kajian ini terletak di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di Lorong Haji Hussein 2, Chow Kit, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditunjukkan pada Rajah 4. Tiga kaedah metodologi telah digunakan dalam mencapai 2 objektif kajian iaitu

mengenal pasti keperluan dan kemudahan pusat pembelajaran yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada gelandangan kanak-kanak melalui kaedah soal selidik dan temubual. Seterusnya mengenal pasti keberkesanan keperluan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada gelandangan kanak kanak melalui pemerhatian.



RAJAH 4. Lokasi Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sumber: Peta Google

KAEDAH SOAL SELIDIK

Kajian soal selidik yang dibuat terhadap 14 orang guru Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih termasuklah 16 orang dari pihak NGO yang pernah datang memberi sokongan di sekolah yang terlibat. Data yang dikumpul akan memberi jawapan kepada soalan mengenai keberkesanan ruang pembelajaran yang disediakan kepada gelandangan kanak-kanak. Hasil analisis soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu maklumat latar belakang responden, ruang keperluan dan kemudahan pembelajaran kanak-kanak gelandangan dan keperluan asas yang disediakan kepada kanak-kanak gelandangan.

BAHAGIAN A: ANALISA LATAR BELAKANG RESPONDEN

Pada bahagian ini, responden perlu menjawab soal latar belakang yang terdiri daripada aspek umur, jantina, bangsa dan tempoh bekerja di bawah sesuatu organisasi. Secara keseluruhannya, menurut dari soal selidik yang telah

disimpulkan, sebahagian besar responden adalah dalam umur 40 tahun ke atas dan majoriti mereka adalah wanita. Manakala bagi bangsa, majoriti responden adalah melayu di mana telah melibatkan sebanyak 23 responden iaitu (76.7%) dan mempunyai pengalaman bekerja melebihi 10 tahun.

BAHAGIAN B : RUANG KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK GELANDANGAN

Pada bahagian ini, responden perlu menjawab soal selidik mengenai ruang pembelajaran seperti bilik darjah, pusat sumber sekolah, bengkel kemahiran, dan kemudahan padang sekolah. Bagi ruang pembelajaran yang disediakan, majoriti responden berpendapat bahawa ruang pembelajaran yang disediakan oleh pihak sekolah telah mencukupi kepada kanak-kanak gelandangan disamping telah memberikan keselesaan kepada kanak-kanak dan guru-guru semasa proses pembelajaran.

JADUAL 1. Pusat Sumber yang disediakan membekalkan keperluan dan kemudahan yang mencukupi kepada kanak-kanak gelandangan

| | Jumlah responden | Peratus |
|--------|------------------|---------|
| Ya | 25 | 83.3 |
| Tidak | 5 | 26.7 |
| Jumlah | 30 | 100 |

JADUAL 2. Pusat Sumber yang disediakan menggunakan konsep permainan dalam meningkatkan minat kanak-kanak semasa proses pembelajaran

| | Jumlah responden | Peratus |
|--------|------------------|---------|
| Ya | 7 | 23.3 |
| Tidak | 23 | 76.7 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Seterusnya, bagi pusat sumber sekolah majoriti berpendapat bahawa pusat sumber yang disediakan telah membekalkan keperluan dan kemudahan yang mencukupi kepada kanak-kanak gelandangan, rujuk Jadual 1. Namun begitu, majoriti berpendapat bahawa konsep permainan tidak dapat membantu kanak-kanak dalam meningkatkan minat terhadap proses pembelajaran yang dilaksanakan, rujuk Jadual 2.

Hasil daripada soal selidik yang dilakukan, responden bersetuju bahawa pihak sekolah telah menyediakan ruang kemahiran yang mencukupi seperti bengkel seni, bengkel muzik, bengkel jahitan dan juga bengkel masakan bagi membantu kanak-kanak dalam bidang kemahiran dan responden berpendapat bahawa kemudahan bengkel kemahiran yang disediakan sekaligus dapat membantu gelandangan kanak-kanak dalam mencari sumber rezeki. Kemahiran seperti memasak, menjahit, bermain alat muzik dan menghasilkan karya seni lukisan merupakan antara kemahiran yang dapat membantu kanak-kanak serba sedikit dalam mencari rezeki di luar sekolah.

Selain itu, responden juga memberi pendapat bahawa keperluan dan kemudahan padang dan taman permainan tidak mencukupi untuk kanak-kanak beriadah. Tapak padang dan taman permainan yang terhad, alat sukan dan permainan yang tidak mencukupi, infrastruktur yang lusuh dan rosak merupakan faktor yang menyebabkan padang dan taman permainan tidak mencukupi untuk kanak-kanak beriadah.

BAHAGIAN C: KEPERLUAN ASAS

Pada bahagian ini, responden perlu menjawab soal selidik mengenai keperluan asas yang disediakan oleh pihak sekolah kepada gelandangan kanak-kanak. Keperluan asas yang dinyatakan adalah dari segi keperluan makanan, tempat tinggal, pengangkutan ke sekolah, keselamatan dan

kesihatan. Bagi keperluan asas seperti makanan, majoriti bersetuju bahawa makanan yang disediakan oleh pihak sekolah kepada gelandangan kanak-kanak adalah mencukupi. Pihak sekolah telah menyediakan makanan pada waktu pagi, tengahari petang dan bekalan pada waktu makan malam.

JADUAL 3. Pihak sekolah tidak memberi keperluan tempat tinggal kepada kanak-kanak gelandangan

| | Jumlah responden | Peratus |
|--------|------------------|---------|
| Ya | 0 | 0 |
| Tidak | 30 | 100 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Merujuk Jadual 3, Kebanyakan responden tidak bersetuju bahawa pihak sekolah telah menyediakan tempat tinggal untuk kanak-kanak, kerana keperluan tersebut masih belum dipenuhi. Walau bagaimanapun, pihak Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih sedang berusaha menyediakan tempat tinggal untuk kanak-kanak, kerana mereka berpendapat bahawa tempat tinggal yang disediakan dapat membantu kanak-kanak mengelakkan diri daripada bergelandangan.

JADUAL 4. Pihak Sekolah tidak menyediakan kemudahan pengangkutan

| | Jumlah responden | Peratus |
|--------|------------------|---------|
| Ya | 0 | 0 |
| Tidak | 30 | 100 |
| Jumlah | 30 | 100 |

Merujuk Jadual 4, kebanyakan responden berpendapat bahawa Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih perlu menyediakan kemudahan pengangkutan khusus untuk kanak-kanak gelandangan. Penyediaan pengangkutan ini bukan sahaja akan memudahkan mereka hadir ke sekolah, tetapi juga dapat memastikan akses pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan. Dengan adanya pengangkutan, kanak-kanak gelandangan tidak perlu bergantung kepada faktor luaran yang boleh menghalang mereka daripada mendapatkan pendidikan formal.

Sebahagian besar responden berpendapat bahawa meskipun pemasangan kawalan CCTV telah dilaksanakan, ia bukanlah faktor utama yang dapat memberikan rasa selamat kepada kanak-kanak gelandangan. Sebaliknya, aspek lain seperti penyediaan almari dan loker peribadi, yang masih belum disediakan oleh pihak sekolah, dianggap lebih signifikan. Loker peribadi ini akan memudahkan kanak-kanak gelandangan menyimpan barang peribadi dan peralatan sekolah mereka dengan selamat, serta mengurangkan keperluan membawa beban berlebihan setiap hari. Keadaan ini menjadi lebih mencabar kerana

kebanyakan pelajar di sekolah tersebut adalah kanak-kanak gelandangan, yang tidak mempunyai tempat duduk tetap atau ruang peribadi yang sesuai. Di samping itu, responden turut menyuarakan kebimbangan mengenai ketiadaan bilik persalinan khas di sekolah, yang penting untuk membolehkan kanak-kanak membersihkan diri sebelum memulakan sesi persekolahan. Walau bagaimanapun, majoriti responden bersetuju bahawa pihak sekolah telah menyediakan ruang rawatan seperti bilik sakit, yang membolehkan pelajar yang kurang sihat berehat sebelum pulang ke kediaman masing-masing. Meskipun inisiatif ini dihargai, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam usaha memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak gelandangan di sekolah ini.


KAEDAH PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian merupakan satu daripada kaedah yang mengukur pembolehubah penyelidikan. Bagi mendapatkan

maklumat tambahan, kaedah pemerhatian dapat digunakan bagi menyokong dapatan kajian. Pemerhatian telah dijalankan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dan hasil pemerhatian yang dijalankan mendapati keberkesanan ruang pembelajaran yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu kanak-kanak gelandangan dalam akses Pendidikan.

Berdasarkan pemerhatian, sekolah baharu telah ditubuhkan telah melibatkan bangunan 6 aras yang memenuhi keperluan dan kemudahan kanak-kanak gelandangan. Kemudahan ruang pembelajaran seperti bilik darjah, dewan makan, surau, dewan serbaguna, bengkel kemahiran telah disediakan bagi membantu kanak-kanak dalam mendapatkan akses Pendidikan.


Berikut adalah pelan aras tanah yang mempunyai kemudahan dewan makan, ruangan bilik bahan sumbangan, ruang utiliti, ruang pembelajaran dan ruang lain-lain. Menurut pemerhatian di tapak, kemudahan kantin sekolah dapat menampung seramai 156 orang termasuk guru sekolah. Ruang makan privasi guru juga disediakan.



RAJAH 5. Pelan aras tanah Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.
Sumber: Penulis (2023)

Rajah 5 merujuk kepada pelan aras tanah bagi Sekolah Bimbingan Jalinan kasih. Di aras tanah ini terdapat

kemudahan seperti dewan makan, ruangan utiliti, bilik bahan sumbangan dan juga tandas.



RAJAH 6. Ruang dewan makan dan ruang makan guru Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
Sumber: Penulis (2023)

Berdasarkan pemerhatian penulis di tapak, dewan makan yang disediakan bukan sahaja mampu menampung jumlah kanak-kanak sewaktu sesi persekolahan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyokong keberkesanan pembelajaran. Dewan makan ini, yang digunakan oleh seramai 96 orang termasuk guru-guru, menyediakan ruang yang selesa dan teratur bagi kanak-kanak untuk menikmati waktu rehat yang penting untuk kesejahteraan fizikal dan mental mereka. Pembahagian waktu rehat kepada dua sesi, pada jam 7.30 pagi dan 10.30 pagi, membolehkan pelajar mendapat masa yang mencukupi untuk makan dan berehat, seterusnya

meningkatkan fokus dan prestasi mereka dalam kelas. Penyediaan makanan pada waktu pagi, tengah hari, dan malam, serta bekalan makan malam untuk kanak-kanak gelandangan selepas tamat sesi persekolahan, memastikan bahawa mereka mempunyai keperluan nutrisi yang mencukupi, yang amat penting dalam menyokong daya tumpuan, tenaga, dan keberkesanan pembelajaran keseluruhan. Dengan ruang makan yang berfungsi secara optimum, aspek kesejahteraan pelajar dijaga, yang seterusnya menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang lebih produktif dan holistik.



RAJAH 7. Pelan aras satu Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sumber: Penulis (2023)

Berikut adalah pelan aras satu bagi Sekolah Bimbingan Jalinan kasih yang menyediakan kemudahan seperti bilik

menunggu VIP, dewan serbaguna, surau lelaki dan perempuan, ruang legar utama dan tandas.



RAJAH 8. Pelan aras dua Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sumber: Penulis (2023)

Berdasarkan pemerhatian tapak yang dijalankan, berikut adalah pelan aras dua bagi Sekolah Bimbingan Jalinan kasih. Terdapat kemudahan seperti bilik utiliti, bilik kesihatan, bilik bincang dan kaunseling, bilik cetak dan fail, ruang pejabat am, bilik pengetua, bilik konsultasi dan

Gerakan, bilik mesyuarat dan tandas lelaki dan wanita. Bilik bincang ini berfungsi sebagai bilik bimbingan kepada pelajar yang mengalami masalah disamping memberi ruang privasi kepada pelajar untuk mendapatkan nasihat dari tenaga pengajar.



RAJAH 9. Bilik Kaunseling dan Bilik bincang Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.

Sumber: Penulis (2023)

Dari pemerhatian yang dilakukan di tapak, bilik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bilik guru kaunseling dan bilik bincang. bilik bincang ini berfungsi sebagai bilik bimbingan kepada pelajar yang mengalami masalah disamping memberi ruang privasi kepada pelajar untuk mendapatkan nasihat dari tenaga pengajar. Pelajar yang mempunyai masalah disiplin turut diberi pengajaran dan khidmat kaunseling di bilik yang disediakan.




RAJAH 10. Pelan aras tiga Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sumber: Penulis (2023)

Aras ketiga, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih menyediakan kemudahan seperti bilik rehat prasekolah, kelas prasekolah, ruang operasi peperiksaan, bilik guru, perpustakaan dan bilik aktiviti.

Menurut pemerhatian, berikut adalah pelan aras empat yang mempunyai kemudahan seperti bengkel jahitan, bengkel masakan, bilik muzik,makmal komputer dan bilik seni.



RAJAH 11. Pelan aras empat Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.


Sumber: Penulis (2023)



RAJAH 12. Bilik Seni Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
Sumber: Penulis (2023)

Menurut pemerhatian penulis, bilik ini berfungsi sebagai tempat pembelajaran dan pengajaran dimana sekolah ini menyediakan semua perkakasan yang berkaitan seperti berus, poster colour, media cat basah dan kering

bagi penggunaan pelajar. Pelajar juga diberi pendedahan untuk membuat batik dan mempunyai ruang galeri yang kecil untuk dijadikan sebagai mini pameran.



RAJAH 13. Pelan aras lima Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.
Sumber: Penulis (2023)

Berikut adalah pelan aras lima bagi Sekolah Bimbingan Jalinan kasih. Di aras lima ini terdapat


kemudahan seperti bilik darjah, bengkel kemahiran hidup dan makmal sains.



RAJAH 14. Bilik Sains dan Bengkel kemahiran hidup Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
Sumber: Penulis (2023)


Makmal sains ini digunakan sebagai tempat pembelajaran, penyelidikan melibatkan percubaan eksperimen dan Latihan manakala bilik kemahiran hidup

ini digunakan bagi aktiviti P&P bagi matapelajaran Kemahiran Hidup.



RAJAH 15. Pelan aras enam Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Sumber: Penulis (2023)



Rajah 16. Pusat Sumber di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Menurut perhatian, berikut adalah pelan aras enam yang mempunyai kemudahan seperti bilik darjah, perpustakaan multimedia dan pusat sumber. Rajah di atas menggambarkan pusat sumber sekolah yang disediakan oleh pihak sekolah dalam membantu kanak-kanak gelandangan dalam mendapat akses pendidikan yang baik. Pusat sumber ini menyediakan infrastruktur yang baik dimana kerusi dan meja yang mencukupi di samping menyediakan bahan bacaan yang berkualiti. Pelajar dan guru juga dapat meminjam sumber rujukan bagi memudahkan proses pembelajaran mereka di sekolah.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Melalui hasil dapatan, kajian ini menunjukkan responden terdiri dari 30 orang responden yang terdiri daripada guru sekolah dan badan NGO. Bagi mencapai objektif kajian, soal selidik telah dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian . Dua bahagian soalan mengenai ruang keperluan dan kemudahan pembelajaran dan keperluan asas perlu dinilai oleh setiap responden bagi membantu kanak-kanak gelandangan mendapatkan akses Pendidikan.

Bagi ruang keperluan dan kemudahan pelajaran yang disediakan, berdasarkan soal selidik, majoriti daripada responden bersetuju bahawa Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih telah memberikan ruang pembelajaran yang mencukupi seperti bilik darjah, pusat sumber sekolah,

ruang dewan serbaguna sekaligus memberikan keselesaan kepada kanak-kanak gelandangan. Walau bagaimanapun, kemudahan seperti padang dan taman permainan tidak disediakan oleh pihak sekolah disebabkan beberapa faktor termasuklah tapak lokasi yang terhad.




RAJAH 16. pelan aras tiga yang dilengkapi 3 akses tangga dan 2 lif
Sumber: Penulis (2023)

Hasil dari soal selidik yang dijalankan mendapati keperluan asas iaitu dewan makan yang disediakan didapati menampung jumlah kanak-kanak gelandangan di sekolah

Menurut dari pemerhatian, saiz ruang yang disediakan bagi setiap ruang pembelajaran telah mengikut keperluan kanak-kanak gelandangan. Hal ini disebabkan kapasiti mereka yang tidak mencecah 150 pelajar menjadikan bangunan baru aras enam ini dapat memberikan keselesaan

yang baik kepada kanak-kanak dalam mendapatkan akses pendidikan

Sekolah Bimbingan Jalinan kasih adalah bangunan sekolah. Merujuk dari buku UBBL Seventh Schedule, “dead-end limit (meter)” bagi bangunan ini adalah 6 Meter. Seterusnya Unsprinklered adalah 45 manakala sprinklered adalah 60. Menurut dari pemerhatian, bangunan ini telah mengikut undang undang yang telah ditetapkan. Jika ada kebakaran berlaku. Pelajar dan guru dapat menggunakan akses tangga yang telah disediakan.



RAJAH 17. Jarak minimum antara pintu keluar masuk ruang bangunan
Sumber: Hamzah Abu Bakar (2006)

Menurut Hamzah Abu Bakar (2006), (Noraziah et al. 2017), bangunan yang mempunyai pelan terbuka seperti bangunan sekolah dikehendaki untuk mempunyai dua pintu keluar masuk dan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih telah menyediakan dua pintu keluar masuk pada setiap ruangan bilik. Ruangan bilik seperti Dewan Serbaguna dan Surau yang mempunyai ruang yang lebih besar akan mempunyai pintu yang lebih banyak dan jarak setiap pintu tersebut hendaklah kurang daripada 5 Meter.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya, isu gelandangan kanak-kanak ini merupakan isu yang membimbangkan dimana pihak kerajaan perlulah bersatupadu dalam menghalang dan menangani masalah keciciran pendidikan ini semakin menular. Oleh itu, penulisan telah membincangkan mengenai usaha dan insiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membantu kanak-kanak gelandangan mendapatkan akses pendidikan yang sewajarnya. Selain itu, melalui penulis ini, inisiatif kerajaan dalam memenuhi keperluan dan kemudahan pembelajaran yang disediakan juga dapat dikenalpasti dan dapat dibincangkan pelbagai aspek dan huraian yang komprehensif dalam menilai keperluan asas dan keperluan pembelajaran kanak-kanak gelandangan. Maka dengan itu, setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan harus bersama membantu dalam memperkenalkan solusi yang bersesuaian bagi mengekang masalah keciciran Pendidikan gelandangan kanak-kanak yang berlaku di Malaysia.

Seterusnya, perbincangan ini dapat dikaitkan dengan keberkesanannya ruang pembelajaran dengan menekankan bagaimana persekitaran fizikal dan kemudahan yang disediakan memberi kesan kepada pengalaman dan prestasi pembelajaran kanak-kanak gelandangan. Ruang pembelajaran yang kondusif bukan sahaja melibatkan bilik darjah, tetapi juga merangkumi aspek keperluan asas seperti tempat tinggal, keselamatan, kebersihan, serta ruang untuk aktiviti sukan dan riadah.

Ruang yang bakal disediakan oleh Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, seperti tempat tinggal yang kondusif dan kemudahan seperti loker, bilik persalinan, dan tempat pembersihan diri, memainkan peranan penting dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang selamat dan selesa. Apabila pelajar merasakan keselamatan dan kebersihan diri mereka terjaga, mereka dapat lebih menumpukan perhatian kepada pembelajaran dan meningkatkan prestasi akademik mereka.

Tambahan pula, penyediaan kemudahan sukan dan riadah seperti padang sekolah adalah penting untuk keseimbangan fizikal dan mental kanak-kanak. Aktiviti

sukan bukan sahaja membantu meningkatkan kesihatan fizikal tetapi juga merangsang perkembangan kognitif dan sosial. Melalui sukan, kanak-kanak dapat membina keyakinan diri, kemahiran berpasukan, dan melepaskan tekanan, yang semuanya penting dalam menyokong keberkesanannya pembelajaran.

Secara keseluruhannya, keberkesanannya ruang pembelajaran adalah hasil daripada gabungan persekitaran fizikal yang menyokong kesejahteraan pelajar, sama ada dari segi keselamatan, keselesaan, atau kemudahan fizikal. Usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan NGO dalam menyediakan ruang pembelajaran yang menyeluruh dan inklusif akan membantu mengatasi masalah keciciran pendidikan di kalangan kanak-kanak gelandangan serta memastikan mereka mempunyai peluang yang sama untuk berkembang dan berjaya dalam pendidikan.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada guru-guru Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, yang meluangkan masa dalam membantu saya membuat pemerhatian dan mendapatkan soal selidik daripada guru yang terlibat.

PENGISYIHIARAN KEPENTINGAN BERSAING

Tiada.

RUJUKAN

Azuan Che Ahmad, Mohd Zuri Ghani, Salizawati

Omar & Zainuddin Md Isa. 2010. “Kanak-kanak bermasalah tingkah laku”, DP. Jilid 10, Bil 2/2010.

Geraldine Tong, (2022). *Rising cost of living: Soup kitchens still operating but bracing for impact Malaysia*. Malaysia terkini, 29 mei 2022. <https://www.malaysiakini.com/news/622843>

Faez Nazhan Phang Abdullah. 2019. “Kolaborasi komuniti dalam penambahbaikan sekolah : Satu kajian kes di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Kuala Lumpur.” Penerbit Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hamzah Abu Bakar (2006). *Guide To Fire Protection in Malaysia. Second edition* Publisher: Kuala Lumpur : The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch (IFEM), 2006

- Kementerian Mendidikan Malaysia (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan Edisi Keempat. Bab 2 Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK). Mukasurat 61.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat , Laporan Statistik 2022.
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad & Norulhuda Sarnon. (2017). Isu Gelandangan di Malaysia: Tahap Kesihatan Mental & Kemahiran Hidup. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Edisi Khas):ms 119-131.
- Mohd Alif Jasni, Nazirah Hassan, Fauziah Ibrahim dan Mohammad Rahim Kamaluddin. 2022. "Isu Gelandangan dan Keciciran Pendidikan dalam Kalangan Gelandangan Kanak-Kanak. Malaysian *Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) 2022, Volume 7, Issue 8.
- Mohd Jamilul Anbia & Mahaizura Abd Malik, 2019. Kota raya pemurah. Harian Metro, 3 Disember.<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/12/523033/kota-raja-pemurah>.
- Noraziah Mohammad, Noor Aisyah Samsudin, Suhana Johar, Mazlan Mohd. Tahir. 2022. Punca-punca Kelewatan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Projek Perumahan di Malaysia Jurnal Kejuruteraan: SI 6(1) 2023: 483-493.
- Norhafizan Ismail & Aliza Alias (2018). Cabaran guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018), ms.102-109
- Noor Atiqah Sulaiman. 2022. Selangor miliki 1.8 juta kanak-kanak, paling ramai di Malaysia. Berita Harian, 28 November. <https://www.bharian.com.my/authors/oleh-noor-atiqah-sulaiman>.
- Rahimah Ahmad. (2005). Kepengetuaan dan kepemimpinan sekolah: Pembangunan dan penambahbaikan pengajaran. Jurnal Pemimpin, 5(1), ms.1-10.
- Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah Abdul Manan. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. International Journal of Social Science Tomorrow 1(2),ms 19.